

**LAGU DAN *MISE EN SCENE*: ISU KELAS SOSIAL DAN IDENTITI BUDAYA DALAM
GETARAN JIWA (1961)**

Luqman bin Mohd Oslan
Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM

Wan Ainaa Atiqah binti Mohd
*Ismadi Kolej Pengajian Seni Kreatif,
UiTM*

Corresponding Author's Email: luqman520@uitm.edu.my

Article history:

Received: (15 Oktober 2023)

Accepted: (1 November 2023)

Published: (30 Disember 2023)

ABSTRAK

Kajian ini adalah menganalisis isu kelas sosial dan identiti budaya dalam lagu *Getaran Jiwa* (1961) dan *mise en scene* di dalam filem *Antara Dua Darjat* (1960). Kedua-dua lagu ini menyetengahkan isu kelas sosial dan identiti budaya masyarakat tempatan pada zaman tersebut. Penyelidik turut menggunakan pendekatan menggunakan analisis tekstual melalui kaedah analisis lirik lagu untuk mengenalpasti isu yang dibawakan oleh P. Ramlee menerusi lagu dan *mise en scene* pada lagu *Getaran Jiwa*. Menggunakan pendekatan analisis tekstual melalui kaedah analisis lirik lagu, pengkaji hanya memfokuskan kepada dua elemen *mise en scene* iaitu latar (*setting*) dan kostum sebagai limitasi kajian. Hasil kajian mendapati P. Ramlee memberi penekanan terhadap nilai estetika menerusi visual sebagai *author* dengan menyetengahkan isu kelas sosial menerusi lagu dan elemen *mise en scene*.

Kata Kunci: Lagu, *Mise en scene*, P. Ramlee, kelas sosial, identiti budaya, Muzikolog.

Pengenalan

Menurut sejarah perfileman Malaysia, filem-filem Melayu yang diterbitkan dari tahun 1984 sehingga 1955 dipelopori oleh pengarah daripada negara India. Sebelum P. Ramlee melibatkan diri dalam bidang pengarah, industri filem tempatan diterajui oleh pengarah seperti B. S. Rajhans yang telah mengarahkan filem Melayu pertama berjudul *Laila Majnun* (1933) (Brunei, 2005). Sehingga pada tahun 1955, P. Ramlee yang pada mulanya memulakan kerjaya sebagai pelakon, mula melibatkan diri dibelakang tabir sebagai seorang pengarah. Sehingga tahun 1973, P. Ramlee bukan sahaja mengarahkan filem dan berlakon, malah beliau turut menulis lagu dan menyanyikan lagu-lagu ciptaannya yang dimuatkan dalam filem-filem arahan dan lakonannya. Di peringkat awal, lagu-lagu ciptaan P. Ramlee dimuatkan dalam filem-filem yang diarahkan oleh pengarah-pengarah lain terutamanya pengarah dari India. Antara lagu-lagu tersebut adalah *Tak Guna* dalam filem *Pembalasan* (1950), *Kau Turun Dari Kayangan* dari filem *Patah Hati* (1952), *Dunia Hanya Pinjaman* dan *Kejamnya Manusia* dalam filem *Miskin* (1952) (Ahmad Sarji, 2003). Lagu-lagu lain yang dihasilkan oleh beliau termasuk *Temukanlah* dalam filem *Gerimis* (1968) (Ahmad Sarji & Johari Salleh, 1993). Menurut Sankar (2005), filem-filem awal lakonan P. Ramlee yang diarahkan oleh pengarah dari India mempunyai pengaruh yang kuat dari negara mereka. Hasilnya, lagu ciptaan P. Ramlee yang dimuatkan dalam filem-filem tersebut turut mempunyai pengaruh muzik dari India, terutamanya dari segi rentak dan melodi. P. Ramlee adalah pengarah yang bertanggungjawab mengubah filem-filem Melayu dari pengaruh filem India dengan memasukkan identiti masyarakat tempatan yang lebih unik (Lockard, 1995). Filem pertama yang diarahkan oleh P. Ramlee adalah *Penarik Becha* pada tahun 1955. Filem ini menceritakan tentang kehidupan dan kesukaran kehidupan seorang lelaki kelas bawahan yang miskin yang hidup dalam masyarakat yang sedang mengalami perubahan akibat pembangunan dan kemodenan. Filem tersebut memaparkan tentang percanggahan orang Melayu dengan idealisme tradisi dan kemodenan (Barnard, 2005). P. Ramlee seterusnya mengarahkan filem-filem seperti *Anakku Sazali* (1956), *Bujang Lapuk* (1957), *Sarjan Hassan* (1958) dan *Ibu Mertuaku* (1962). Filem-filem ini juga banyak mencerminkan isu dan konflik tradisi dan moden dalam kalangan masyarakat Melayu. P. Ramlee seterusnya meneroka genre dan tema lain dalam pembikinan filemnya. Beliau kemudian mengarahkan cerita-cerita epik berkaitan kerajaan-kerajaan Melayu dan wira legenda untuk menggambarkan isu-isu sosial yang realistik dalam masyarakat pada masa itu. Tema-tema yang diangkat dalam filem-filem P. Ramlee memainkan peranan utama dalam menentukan jenis lagu-lagu yang dicipta untuk mengiringi adegan-adegan dalam filem-filem beliau. Selain itu, beliau juga menggubah muzik dan lagu-lagu yang bersesuaian dengan tema, tindakan dramatik, melodrama dan adegan dalam filem-filem yang beliau lakonkan. Kebanyakan latar yang ditampilkan dalam filem-filem beliau adalah cerita tentang kehidupan masyarakat di kampung dan moden di bandar, masyarakat Arab, India dan Hindustan, lagenda-lagenda alam Melayu, dan isu-isu perpecahan keluarga yang disisipkan melalui elemen drama dan komedi. Pada awal penglibatannya didalam industri, P. Ramlee, merasakan bahawa semangatnya untuk menggubah lagu sering terhad kepada kandungan filem-filem sahaja. Beliau sering kali diarahkan menulis dan menggubah lagu-lagu sedih, gembira, lagu tenang dengan irama Melayu atau Hindustan yang bersesuaian dengan situasi dan emosi sesuatu filem. Menurut Ahmad Sarji (2011), P. Ramlee telah banyak menyusun semula lagu-lagu asli Melayu dalam gaya muzik keroncong. Contohnya lagu yang digubah dalam rentak asli adalah lagu *Aduhai Sayang* dalam filem *Hujan Panas* (1953) dan *Keroncong Kuala Lumpur*.

Kajian Literatur

Menurut Lathrop dan Sutton (2015), istilah *mise en scene* secara etimologi berasal dari perkataan Perancis bermaksud *tempat di atas pentas* yang digunakan di dalam produksi teater pada ketika zaman penerbitan *Cahiers Du Cinema*. Namun begitu, pembikin filem telah meminjam perkataan ini dan memperluaskan lagi makna tersebut sebagai langkah pengawalan kepada pengarah tentang limitasi di dalam sesebuah visual. Selain daripada itu, pengarah dan ahli akademik kebiasaannya merungkaikan makna *mise en scene* ini sebagai bahagian penting di dalam seni kreatif seseorang pengarah. Secara umumnya, terdapat empat aspek didalam *mise en scene* iaitu latar (*setting*), kostum, pencahayaan (*lighting*) dan lakonan (Bordwell & Thompson, 2015). *Mise en scene* juga dapat menerangkan mengenai watak, naratif, ideologi dan nilai

estetika untuk disampaikan kepada penonton melalui komposisi yang teliti tentang unsur visual yang dirakamkan oleh kamera.

Latar (*Setting*)

Latar tempat/masa atau *setting* merupakan salah satu aspek yang paling diketahui di dalam filem untuk menggambarkan pengertian sesebuah visual. Aspek ini membolehkan penonton mendapat gambaran yang lebih baik mengenai lokasi dan masa sesebuah filem itu. Selain daripada itu, latar sesebuah filem mampu memberi makna keseluruhan naratif filem itu secara kreatif. Pemilihan, penyusunan dan pembinaan aspek latar ini akan memperlihatkan kreativiti seseorang pengarah dalam sesebuah seni (Lathrop & Sutton, 2015).

Kostum

Kostum juga merupakan salah satu elemen visual yang penting di dalam sesebuah filem. Peranan kostum adalah membolehkan para penonton membuat halatuju tertentu mengenai watak dan boleh mengungkapkan maklumat fizikal dan psikologi sesuatu watak. Jika kostum berjalan seiring dengan latar, ia boleh memperkuat lagi corak naratif dan tematik sesebuah filem tersebut. Sebagai contoh, watak detektif kebiasaannya dikenakan pakaian blazer yang labuh sehingga paras lutut bagi menonjolkan identiti misteri watak tersebut.

Pencahayaan

Cahaya merupakan elemen yang penting dalam menghasilkan sesuatu filem. Ini kerana, tanpa cahaya, sesuatu objek tidak dapat dirakam menerusi kamera. Kebanyakan kesan gambar berpunca dari manipulasi pencahayaan itu sendiri. Oleh itu, pencahayaan kepada sesuatu objek akan menghasilkan sorot dan bayang. Pencahayaan juga merupakan salah satu aspek didalam sinematografi. Pencahayaan yang baik dan bagus dapat memaparkan mood filem tersebut. Contohnya, jika kita melihat pencahayaan yang digunakan sangat tinggi (*high-key*) dan kontras yang rendah, ini bermakna filem tersebut berkemungkinan adalah filem romantis dan komedi atau sebaliknya. Selain dari itu, pencahayaan dapat menafsir sesuatu maksud dalam adegan filem bergantung kepada kecerahan di dalam sesuatu babak. Pencahayaan di dalam shot membolehkan watak-watak yang berada di situ dilihat sepertimana yang ingin dirasai oleh pengarah. Contohnya, jika terdapat dua watak di dalam sesebuah adegan, pencahayaan yang betul mampu memaparkan sifat watak-watak itu samaada watak protagonis mahupun watak antagonis dan mampu membantu penonton memahami hubungan diantara kedua-dua watak tersebut (Lathrop & Sutton, 2015).

Lakonan

Lakonan dapat membantu penonton mempercayai bahawa watak di dalam filem tersebut benar-benar wujud di alam realiti. Lakonan merujuk kepada sesuatu pergerakan tubuh mahupun ekspresi muka seseorang pelakon itu. Dengan kata lain, ia bermaksud semua tindakan atau gerak isyarat yang dilakukan oleh pelakon sepanjang filem tersebut ditayangkan. (Lathrop & Sutton, 2015). Selain dari itu, lakonan dan gerak tubuh mampu menerangkan tema atau plot naratif sesebuah filem. Kebanyakan gaya lakonan akan ditentukan oleh pengarah samaada ia sesuai dimasukkan di dalam filem berdasarkan tema dan naratif sesuatu filem.

Objektif

Objektif kajian ini adalah menganalisis isu-isu kelas sosial yang diangkat oleh P. Ramlee melalui lagu, dari skop identiti sebuah budaya serta menyentuh isu modeniti dan tradisi masyarakat pada ketika itu secara menyeluruh dari sudut pandang P. Ramlee sebagai seorang pengarah (*author*)

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan menggunakan analisis tekstual melalui kaedah analisis lirik lagu untuk mengenalpasti isu yang dibawakan oleh P. Ramlee menerusi lagu dan *mise en scene* pada lagu *Getaran Jiwa*. Melalui pemerhatian ini, penulis dapat melihat perspektif P. Ramlee sebagai seorang penggubah lagu dan pengarah filem yang mampu menggabungkan elemen lagu dan visual dengan baik. Penyelidik menggunakan kaedah analisis dari Bordwell and Thompson (2015) untuk menganalisis elemen *mise en scene* yang digunakan oleh P. Ramlee menerusi lagu tersebut sekaligus mengenalpasti isu-isu yang ingin diketengahkan oleh P. Ramlee. Selain itu, analisis melalui lirik turut dilihat sebagai sokongan pada kajian

melodi dan rentak.

Dapatan

Di dalam filem *Antara Dua Darjat*, P. Ramlee telah memasukkan tiga buah lagu di dalamnya sebagai penyeri dan penguat filem tersebut. Bermaksud P. Ramlee turut mengangkat muzik sebagai salah satu elemen penting dalam penghasilan karya beliau. Tiga buah lagu itu termasuklah *Getaran Jiwa*, *Keroncong Alunan Biola* dan *Selamat Panjang Umur*. Diantara ketiga-tiga buah lagu ini, lagu *Getaran Jiwa* adalah lagu ciptaan beliau yang paling dinamik. Jika dinilai dengan teliti pada konteks waktu ini, ia masih relevan dan malar segar kerana tidak lapok ditelan zaman. Ini membuatkan ramai penggiat seni zaman sekarang menjadikan P. Ramlee sebagai tempat rujukan dan idola dalam penghasilan sesuatu karya. *Getaran Jiwa* merupakan sebuah lagu pop yang disuntik elemen barat menerusi penciptaan muziknya. Pengkaji telah mengenal pasti keistimewaan lagu ini berdasarkan analisis muzikologi yang telah dijalankan. *Getaran Jiwa* telah diberikan susunan muzik yang tenang dan merdu pada pendengarnya. Lagu ini merupakan lagu pop yang dipengaruhi sedikit elemen barat iaitu *Beguine* pada susunan muziknya. Muzik *beguine* ini jelas dapat dilihat dari segi *accent* ketukan bongo pada beat 2 dan n. Ketukan ini menggambarkan cara permainan rentak *beguine* itu sendiri. Dengan erti kata lain, *beguine* adalah gaya muzik *rhythm-centric* yang berasal dari *Martinique* pada abad ke-19. Ia menggabungkan tarian Perancis pada abad ke-19 dengan irama Afrika. Dua jenis perkara utama di dalam *Biguine Antillean Perancis* boleh dikenal pasti berdasarkan instrumentasi dalam amalan muzik kontemporari iaitu yang pertama dipanggil *Drum Biguine* dan *Orchestrated Biguine*. Masing-masing merujuk kepada konteks asal-usul tertentu. *The Biguine drum*, atau disebut *bidgin bele* di Creole, berasal dari rangkaian tarian bele dilakukan sejak zaman penjajahan awal lagi oleh hamba abdi yang mendiami di ladang gula. Terdapat beberapa juga lagu ciptaan beliau yang menggunakan rentak *beguine* seperti lagu *Jeritan Batinku*.

Di dalam lagu ini, penggunaan bunyi piano diketengahkan dimana bunyi piano ini adalah bunyi yang digunakan oleh orang barat semenjak zaman klasikal lagi seperti komposer klasikal terkenal iaitu Bach dan Mozart. Penerapan unsur ini sedikit sebanyak dapat menunjukkan pengaruh muzik P. Ramlee yang boleh dikatakan bersifat bebas tanpa ada satu rujukan utama. Disebabkan P. Ramlee dipengaruhi oleh muzik barat, pengkaji mendapati bahawa beliau turut menggunakan muzik-muzik barat sebagai rujukan dalam penghasilan sesebuah lagu. Dengan kata lain, muzik yang bersifat kebaratan diangkat menerusi lagu *Getaran Jiwa* untuk memberi ruang bukan sahaja kepada kelas atasan (elit) malah kepada kelas bawahan untuk turut menikmati keindahan muzik barat kelas atasan. Melalui pemerhatian ini, P. Ramlee dilihat memperjuangkan hak kesamarataan diantara kelas-kelas sosial yang wujud dalam masyarakat pada ketika itu melalui penggunaan pengaruh muzik yang diselitkan. Seterusnya pengkaji melihat pula lirik yang ditulis untuk meneliti kaitan antara muzik dan lirik.

Getaran Jiwa
Melanda hatiku
Tersusun nada
Irama dan lagu
Walau hanya sederhana
Tetapi tak mengapa
Moga dapat membangkitkan
Sedarlah kamu wahai insan

Tak mungkin hilang
Irama dan lagu
Bagaikan kembang
Sentiasa bermadu

Andai dipisah
Lagu dan irama
Lemah tiada

berjiwa Hampa

(S. Sudarmaji,1961)

Permulaan lirik dalam lagu ini adalah ungkapan *Getaran Jiwa* iaitu merupakan tajuk kepada lagu ini. Getaran dari segi epistemologi menurut Galileo Galilei seorang falsafawan terkenal membawa maksud satu gerakan secara berulang pada selang waktu. Contohnya, apabila sesuatu objek seperti tali diikat sehingga tegang, kemudian dipetik, ia akan menghasilkan satu getaran dalam sesuatu masa yang ditetapkan. Di dalam konteks lagu ini, makna getaran dihubungkan dengan jiwa. Jiwa adalah satu entiti spiritual yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar manusia. Jiwa merujuk kepada simbolik kepada perasaan yang boleh diekspresikan melalui tubuh dan kata-kata. Jadi, *getaran* dan *jiwa* di dalam lagu ini dihubungkan untuk menunjukkan perasaan yang berkecamuk. Jelas dapat dilihat bahawa perasaan ini menggambarkan perasaan dua individu yang tidak tentu arah kerana mempunyai halangan yang tidak dapat diatasi. Jadi, konflik ini berlaku disebabkan oleh perbezaan kelas sosial yang cuba digambarkan di dalam tema dan naratif filem tersebut. Perkataan pada suku kata pertama lirik adalah *ge* dimana nada yang digunakan sangat rendah dan untuk mengekspresikan suku kata itu, perkataan *ge* itu dinyanyikan dengan nada rendah dan ditambahkan lagi teknik vibrato. Kesan yang terhasil akan lebih efisien dan jelas berbanding dengan teknik yang lain seperti *slur* dan sebagainya. Selain itu, *getaran* dan *jiwa* ini diletakkan pada objek dalam badan seseorang manusia iaitu hati. Seiring dengan liriknya selepas itu iaitu *melanda hatiku*. Walaupun mempunyai perasaan yang kurang stabil pada permulaannya, ia dapat dineutralkan dengan penggunaan dan aplikasi muzik. Hal ini dapat dirujuk pada bait lirik *tersusun nada, irama dan lagu* yang membawa makna walaupun dilanda perasaan terumbang-ambing dan dibezakan mengikut kelas, namun lama kelamaan ia akan bersatu juga jika manusia bijak mengaturkan dan merancang tentang apa yang dilakukan. Lirik yang seterusnya adalah *walaupun hanya sederhana, tetapi tak mengapa* ini membawa pemaknaan yang besar dan berat pada kelas sosial pertengahan dan bawahan. Hal ini dapat diterangkan dimana kelas pertengahan dan bawahan ini mempunyai kehidupan yang tiada lebih iaitu dianggap seperti perumpamaan 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'. Selain daripada itu, golongan ini juga seringkali ditindas oleh golongan kelas atasan. Golongan bawahan ini hanya mampu berserah tanpa sebarang tindakan dan tidak mampu berbuat apa-apa. Tema ini juga turut diangkat oleh P. Ramlee dalam filem *Antara Dua Darjat*. Seterusnya, *moga dapat membangkitkan, sedarlah kamu wahai insan* merupakan lirik yang terakhir dalam rangkap itu. Harapan yang dilahirkan menerusi rangkap ini adalah semoga golongan kelas yang ditindas ini dapat bangkit bersama dan bersuara tentang hak mereka yang sebelum ini tidak diketahui oleh mereka disebabkan tiada yang berani menimbulkan isu ini. Rangkap kedua adalah *tak mungkin hilang, irama dan lagu*. Ini menggambarkan lumrah kehidupan yang tiada kesudahan. Didalam konteks ini, irama dan lagu merujuk kepada konsep gender manusia iaitu lelaki dan perempuan. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa lelaki dan perempuan tidak sama sekali akan lenyap walau apa yang terjadi kerana alam ini perlu mengekalkan keseimbangan agar kitaran kehidupan dapat berpusing dengan selari. Seterunys, bait-bait lirik *bagaikan kembang, sentiasa bersedu* juga merujuk kepada keadaan yang tidak akan hilang dan kekal berlaku selama-lamanya. Gender lelaki dan perempuan ini akan sentiasa wujud di alam ini. Hal ini disebabkan oleh sifat gender itu yang sentiasa reproduksi seperti hamil, melahirkan serta perbezaan jenis kelamin (biologi) ini merupakan ciptaan tuhan yang tidak diubah, tidak dapat dipertukarkan dan berlaku sepanjang zaman (Puspitawati,2013). Lirik yang paling kemuncak adalah pada *chorus* lagu ini dimana beliau meletakkan lirik *andai dipisah lagu dan irama, lemah tiada berjiwa hampa*. Bait lirik ini telah menjadi ingatan dan siulan masyarakat dahulu sehingga kini. Apa yang ingin ditekankan disini adalah jika dipisahkan keduanya iaitu lelaki dan perempuan, maka ia akan menimbulkan satu perasaan nestapa dan kesedihan yang memuncak. Boleh dikatakan, kedua-dua elemen tadi mewakili percintaan golongan kelas atasan dan golongan kelas bawahan. Percintaan mereka tidak seharusnya dihalang walaupun berbeza dari segi darjat dan pangkat kerana P. Ramlee percaya bahawa darjat dan martabat bukanlah perkara utamayang perlu diangkat untuk seseorang itu hidup bahagia. Jadi, disebabkan hal ini, beliau merasakan perlu berjuang dengan golongan kelas bawahan ini agar hak-hak mereka tidak ditindas sesuka hati oleh golongan kelas atasan.

Dari sudut sinematik pula, isu kelas sosial ini jelas dilihat menerusi tajuk filem ini juga. *Antara Dua Darjat* ini mengupas tentang perbezaan antara dua martabat malah dua kelas yang berlainan. Sudut sinematik ini lebih tertumpu kepada *mise en scene* pada babak lagu itu dimainkan di dalam filem ini. Jadual 1 merupakan hasil dapatan isu yang diangkat melalui lagu *Getaran Jiwa* dari sudut *mise en scene*.

Jadual 1: Lagu dan *Mise en scene*

Filem	Lagu	<i>Mise en scene</i>	
		Latar (<i>setting</i>)	Kostum
<i>Antara Dua Darjat</i>	Getaran Jiwa	<p>Piano sebagai simbol kekayaan.</p> 	<p>Baju gaun moden yang dipakai oleh Tengku Zaleha bercirikan moden iaitu tanpa lengan (<i>sleeveless</i>) dan mengikut bentuk tubuh menandakan dia dari golongan bangsawan.</p>
		<p>Rak buku yang diletakkan di ruang tamu rumah itu adalah untuk menunjukkan bahawa golongan atasan ini mementingkan ilmu dan pendidikan.</p> <p>Rak simpanan wain (<i>wine shelf</i>) mencerminkan golongan atasan ini telah menerapkan budaya barat dalam kehidupan seharian mereka</p>	<p>Pakaian baju tee berkolar dan kemas di pakai oleh Ghazali sebagai seorang guru.</p> <p>Perubahan corak jalur baju (melintang dan menegak) pada watak.</p> <p>Corak jalur melintang dipakai oleh Ghazali memberi permaknaan iaitu gaya hidup yang tidak berubah dan masih pada keadaan yang sebelum ini (bersederhana).</p>
		 <p>Unsur tingkap memperlihatkan keterbukaan minda golongan atasan ini dan disebabkan itu mereka mudah untuk menerima budaya lain untuk diserapkan dalam gaya hidup golongan ini</p> <p>Taman mencetuskan mekanisme escapisme untuk keluar dari konflik diantara golongan kelas atas dan golongan kelas bawahan.</p>	 <p>Corak jalur menegak dipakai oleh Tengku Zaleha dimana golongan kelas atasan ini sering berlumba-lumba dalam mengejar kehidupan yang mewah walaupun telah mempunyai harta yang melimpah ruah.</p> 



Dua elemen dalam *mise en scene* sahaja diambil sebagai subjek iaitu latar (*setting*) dan kostum. Lagu *Getaran Jiwa* ini bermula apabila Ghazali iaitu guru piano kepada Tengku Zaleha meminta Zaleha untuk memainkan lagu yang dicipta oleh Ghazali. Ruang pada frame babak ini menunjukkan perletakan objek piano besar (*grand piano*) pada ruang tamu kediaman kelas atasan ini. Golongan atasan ini menjadikan objek piano sebagai simbol kekayaan mereka pada waktu itu. Semasa Ghazali menyerahkan skor piano kepada Tengku Zaleha, jelas menggambarkan masyarakat yang berada di kelas atasan mudah berputus asa sebelum mencuba sesuatu yang baru. Tidak terhadap golongan bawahan yang seringkali berusaha untuk mencapai sesuatu yang diinginkan dimana Ghazali sering berusaha dan bekerja untuk memenuhi dan menjadikan kehidupannya lebih selesa. Selain itu, terdapat rak himpunan buku-buku di sebelah kiri belakang Tengku Zaleha. Rak buku yang diletakkan di ruang tamu rumah itu adalah untuk menunjukkan bahawa golongan atasan ini mementingkan ilmu dan pendidikan. Malah pendidikan muzik juga turut diutamakan oleh golongan ini untuk meningkatkan kreativiti seseorang individu. Di sini dapat dilihat sifat P. Ramlee yang terbuka mahupun beliau meletakkan keutamaan untuk memperjuangkan hak golongan kelas bawahan kerana tidak berat sebelah dalam melakukan kritikan. Semua kritikan yang dilakukan mempunyai tujuan yang membina dan nyata iaitu untuk memberi kesedaran kepada semua golongan kelas. Di atas rak buku itu, dapat dilihat rak bulat yang tergantung pada dinding berkenaan. Rak bulat itu jika diteliti secara terperinci merupakan rak simpanan wain (*wine shelf*) dimana dalam konteks pada waktu itu, golongan atasan ini telah menerapkan budaya barat dalam kehidupan seharian mereka. Mereka telah menjadikan contoh dan berkiblatkan budaya barat sebagai gaya hidup. Hal ini akan menyebabkan keruntuhan akhlak dan adab Melayu dan ciri-ciri seorang Melayu itu mulai hilang disebabkan asimilasi budaya dari barat.

Selain daripada itu, terdapat prop daun tingkap yang diletakkan di dalam frame semasa Tengku Zaleha sedang mula bermain piano. Mengapakah unsur tingkap itu diletakkan di situ? Hal ini dapat dijawab dengan melihat subjek yang ingin diketengahkan melalui ciri dan sifat tingkap itu. Tingkap merupakan unsur yang perlu ada pada setiap rumah dan tingkap yang digambarkan di dalam frame itu sedang terbuka. Jadi, disebabkan keterbukaan itu dapat memperlihatkan keterbukaan minda golongan atasan ini dan disebabkan itu mereka mudah untuk menerima budaya lain untuk diserapkan dalam gaya hidup golongan ini. Di dalam babak lagu ini dimainkan, terdapat juga satu ruang dan masa berlainan diketengahkan oleh P. Ramlee iaitu suasana di taman. Taman merujuk kepada satu tempat yang indah dan tenang. Oleh itu, P. Ramlee mencetuskan mekanisme escapisme untuk keluar dari konflik diantara golongan kelas atas dan golongan kelas bawahan. Escapisme disini membawa erti satu aktiviti untuk menghindarkan realiti dengan membayangkan satu keajaiban aktiviti yang lebih bermakna tetapi mustahil untuk dilakukan. Jadi, untuk keluar dari dibelenggu isu kelas ini, semua golongan perlu memecahkan garis halangan yang telah diwujudkan sekian lama agar semua golongan ini dapat menikmati kehidupan dengan lebih harmoni dan baik. Melihat gaya baju atau kostum yang dipakai oleh dua watak dalam frame semasa lagu *Getaran Jiwa* dimainkan juga dapat mengupas sedikit sebanyak mengenai isu kelas sosial pada waktu itu. Baju yang dipakai oleh Tengku Zaleha merupakan baju gaun seakan puteri di istana dalam konteks masyarakat barat. Gaun yang dikenakan oleh Zaleha bercirikan gaun moden mengikut bentuk tubuhnya. Selain itu, gaun tersebut tidak mempunyai lengan pada bahagian tangan (*sleeveless*). Jadi, untuk kostum yang dipakai oleh Tengku Zaleha lebih berkait rapat dengan baju yang dipakai oleh golongan bangsawan. Tidak pula pada baju yang dipakai oleh Ghazali, walaupun dia adalah seorang guru, namun Ghazali hanya mengenakan pakaian yang bersederhana sahaja iaitu pakaian baju tee berkolar. Pakaian Ghazali nampak bersahaja tetapi konsep kekemasan masih dititik beratkan untuk memperlihatkan kredibiliti dan imej seorang guru.

Corak jalur pada baju Ghazali semasa di awal babak di dalam rumah dapat dilihat iaitu jalur melintang pada bajunya. Tetapi, jalur melintang ini hilang semasa perubahan ruang masa yang berlainan pada pertengahan lagu. Jalur sebelum ini telah berpindah pada pakaian Tengku Zaleha. Menariknya, jalur

tersebut telah bertukar dimensi dari melintang yang dipakai oleh Ghazali kepada jalur menegak yang dipakai oleh Tengku Zaleha. Dapat dikupas oleh pengkaji bahawa melintang itu memberi permaknaan iaitu gaya hidup yang tidak berubah dan masih pada keadaan yang sebelum ini (bersederhana). Berbanding corak jalur menegak dipakai oleh Tengku Zaleha dimana golongan kelas atasan ini sering berlumba-lumba dalam mengejar kehidupan yang mewah walaupun telah mempunyai harta yang melimpah ruah. Selain daripada itu, jalur melintang ini juga memperlihatkan suasana atau keadaan yang masih sukar untuk diselesaikan. Hal ini kerana jika mereka masih duduk di dalam ruang masa rumah itu, masalah yang dihadapi oleh mereka akan tiada penghujungnya. Disebabkan itu, ruang masa yang berbeza diletakkan untuk mewujudkan perubahan dan evolusi dari masalah kepada penyelesaian. Pada ruang masa di taman, Ghazali memakai baju yang bercorak bunga. Hal ini digambarkan untuk golongan bawahan dimana mereka masih ada harapan dalam menjalani kehidupan seharian yang perit dan getir walaupun sering ditindas oleh golongan kelas atasan. Di samping itu, nilai darah juga menjadi salah satu sebab pertembungan antara kelas sosial ini berlaku sekaligus menimbulkan ketidaksamaan sosial. Ketidaksamaan sosial ini dalam konteks kajian sosiologi ini wujud di dalam semua kelompok masyarakat dan institusi sosial (Bottomore, 1966). Oleh itu, dalam konteks filem ini, ketidaksamaan ini tercetus akibat golongan kelas yang terlalu mengangkat dan memandang tinggi nilai darah dalam sesebuah masyarakat. Nilai darah seorang yang bergelar Tengku merupakan golongan kelas atasan. Jadi, kebanyakan golongan yang bergelar Tengku ini menitikberatkan tentang soal darah yang perlu dijaga sesama golongan mereka. Mereka tidak mahu nilai darah Tengku itu bercampur dengan golongan yang tidak setaraf dengan golongan atasan.

Kesimpulan

Secara tuntasnya, analisis terhadap lagu *Getaran Jiwa* hasil karya P. Ramlee telah membuktikan terdapat isu-isu kelas sosial yang diangkat oleh P. Ramlee melalui lagu, dari skop identiti sebuah budaya serta menyentuh isu modeniti dan tradisi masyarakat pada ketika itu secara menyeluruh dari sudut pandang P. Ramlee sebagai seorang pengarah (*author*). Objekif kajian ini telah diterangkan oleh penyelidik iaitu melihat isu-isu yang diangkat oleh P. Ramlee menerusi lagu-lagunya di dalam filem. Sesuatu isu itu bukan sahaja boleh disampaikan melalui sesuatu naratif, malah lagu juga dapat menyampaikan sesuatu mesej melalui visual yang dipaparkan dalam filem. Hal ini dapat dilihat dengan menilai seseorang pengarah itu yang dikatakan sebagai seorang *author* dimana beliau bertanggungjawab untuk menyampaikan sesuatu pesanan agar khalayak umum menerima pesanan tersebut secara tersurat mahupun tersirat. Di dalam lagu *Getaran Jiwa*, isu kelas sosial menjadi isu pokok yang diketengahkan sejajar dengan tema naratif filem *Antara Dua Darjat*. Kajian terhadap lagu dan *mise en scene* di dalam filem-filem ini banyak menyumbang kepada idea kreatif seorang pengarah dan penulis lagu. Garapan dan suntikan elemen yang baik pada layar mampu memberikan kesan yang mendalam pada penonton yang melihatnya. Selain dari itu, lagu dan *mise en scene* mampu menyampaikan mesej secara tersirat walaupun ia dikatakan sebagai penyampai sekunder. Hal ini kerana naratif filem menjadi penyampai primer kepada penonton secara langsung.

RUJUKAN

- Ahmad Sarji A. H. (1993). *Irama lagu P. Ramlee: Lagu-lagu filem 1948-1960*. Kuala Lumpur: Harvard Club of Malaysia.
- Ahmad Sarji, (2011), *P. Ramlee erti yang sakti*. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing Sdn Bhd.
- Barnard, T.P. (2005). Sedih sampai buta: Blindness, modernity and tradition in Malay films of the 1950s and 1960s. *Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia and Oceania*, 161(4) DOI:10.1163/22134379-90003703
- Bottomore, T., B. (1966). *Classes in modern society*. New York: Pantheon Books.
- Lathrop, G. & Sutton, D. (2015). *Elements of mise en scene*. United States: Canton Public School.
- Bordwell, D. & Thompson, K. (2015). *Film Art: An Introduction 10th Edition*. New York: McGraw-Hill Education.
- Lockard, C., A. (1991). Reflections of Change: Sociopolitical commentary and criticism in Malaysian popular music since 1950. *Crossroads. An Interdisciplinary Journal of Southeast Asian Studies*, 6(1). USA: Northern Illinois University.

- Puspitawati Herien. (2013). Peran gender, kontribusi ekonomi perempuan, dan kesejahteraan keluarga petani hortikultura. *Jurnal Ilmu Keluarga dan Konsumen*, 6(1):10-19.
<https://10.24156/jikk.2013.6.1.10>
- Sangkar Uthaya. (2005).P. Ramlee di kaca mata etnik India: Suatu perbandingan. *P. Ramlee di Cakera Nusantara*. Universiti Malaysia Sarawak.